



Zulkifli berucap pada Persidangan Pendakwa Syarie Ke-2 Tahun 2026 di Putrajaya, hari ini. foto oleh FAISOL MUSTAFA/KOSMO!

## NEGARA

# Cadangan pelaksanaan Akta Saraan Hakim Syarie masuk peringkat akhir

Oleh MOHD RIDZAUDDIN ROSLAN 15 Julai 2026, 1:24 pm

PUTRAJAYA – Cadangan bagi melaksanakan Akta Saraan Hakim Syarie dilaporkan berada di peringkat akhir dengan dokumen berkaitan telah disediakan dan sedang dimuktamadkan sebelum dibawa ke peringkat seterusnya.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Dr. Zulkifli Hasan berkata, ketika ini, kajian berhubung perkara itu sedang dilaksanakan oleh Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) bersama agensi berkaitan. [Panduan Perjalanan & Kisah Perjalanan](#)

“Ya, sedang dimuktamadkan, tapi ia memerlukan kajian mendalam kerana melibatkan implikasi kewangan dan sebagainya. Jadi, doakan supaya dapat disegerakan.

“Kita memang secara umumnya dokumen sudah disediakan, cuma kita perlu perkemaskan lagi kerana perlu mendapat ulasan-ulasan lagi,” katanya kepada pemberita selepas merasmikan Persidangan Pendakwa Syarie Seluruh Malaysia (PePSSM) kali kedua 2026 di sini hari ini.

Dalam pada itu, Zulkifli berkata, perincian mengenai cadangan penubuhan Jabatan Pendakwaan Syariah Malaysia (JPSM) juga sedang diperkemas di peringkat dasar sebelum dibentangkan kepada Jemaah Menteri.

Katanya, dokumen mengenai perkara itu telah memasuki tahap akhir selain perlu mendapatkan ulasan-ulasan daripada pihak terlibat sebelum dibentangkan.

“Buat masa ini, cadangan tersebut masih lagi sedang diperkemas di peringkat dasar agar setiap aspek perundangan, pentadbiran, tadbir urus dan hubungan Persekutuan-Negeri dapat diperhalusi secara menyeluruh.

“Ia sekali gus memastikan pelaksanaannya kelak benar-benar tersusun, berkesan dan mampu memperkukuh keseluruhan ekosistem keadilan syariah negara,” katanya.

Katanya, sesi libat urus dengan negeri turut dilaksanakan dengan baik memandangkan penubuhan itu melibatkan usaha secara bersama.

Menurutnya, penubuhan JPSM di peringkat Persekutuan merupakan usaha strategik bagi memperkukuh penyelarasan selain meningkatkan profesionalisme dan membangunkan kompetensi Pendakwa Syarie di seluruh negara.

“Kesemua perkembangan ini membuktikan bahawa pemerkasaan kehakiman Syariah bukan lagi sekadar suatu cita-cita, bahkan telah menjadi agenda nasional yang dilaksanakan secara tersusun dan berterusan.

“Inilah iltizam kerajaan untuk memastikan institusi kehakiman Syariah terus dihormati, diyakini dan mampu memenuhi tuntutan masyarakat serta cabaran zaman,” katanya. – KOSMO! ONLINE

# Premis di PJ disyaki ada kaitan Syiah diserbu JAIS, 226 individu warga Pakistan, India, Bangladesh ditahan

Norzamira Che Noh - Jun 27, 2026 @ 4:42pm



Premis disyaki terabit dengan ajaran syiah diserbu JAIS bersama agensi di Petaling Jaya, Khamis lalu. - Foto ihsan JAIS

SHAH ALAM: Sebuah premis di Petaling Jaya yang disyaki mempunyai kaitan dengan ajaran Syiah diserbu Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) dalam operasi bersepadu pada Khamis lalu.

Pengarah JAIS, Datuk Mohd Shahzihan Ahmad, berkata tindakan khas penguatkuasaan bersepadu bersama agensi itu dilaksanakan hasil maklumat awam pada jam 9.34 malam di sebuah premis di Pusat Perdagangan Lagoon Perdana, Petaling Jaya.

Katanya, tindakan berkenaan merujuk Enakmen Jenayah Syariah (Selangor) 1995, membabitkan siasatan mengikut Seksyen 12(c) berkaitan menghina pihak berkuasa agama.

Selain itu, Seksyen 13 berkaitan penyebaran pendapat yang bertentangan dengan fatwa serta Seksyen 16 berkaitan penerbitan yang bertentangan dengan hukum syarak terhadap aduan yang disyaki mempunyai kaitan dengan ajaran Syiah.

"Hasil tindakan mendapati seramai 226 individu berada di dalam premis terbabit yang terdiri 147 lelaki, 51 wanita dan 28 kanak-kanak, keseluruhannya warga asing dari Pakistan, India dan Bangladesh.

"Susulan pemeriksaan terbabit, Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) telah mengeluarkan notis pemberitahuan mengikut Subseksyen 72(1)(a) dan (c), Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 [Akta 133].

"Ia berhubung beberapa ketidakpatuhan berkaitan pendirian dan pengubahsuaian bangunan tanpa kelulusan pihak berkuasa tempatan. Pemilik premis diberi tempoh 14 hari untuk mematuhi kehendak notis yang dikeluarkan," katanya dalam kenyataan, hari ini.

Mohd Shahzihan berkata, selain JAIS dan MBSJ, operasi berkenaan turut membabitkan kerjasama Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) serta Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) dengan kekuatan keseluruhan seramai 120 anggota.

Dalam pada itu, beliau turut menyeru orang ramai yang mempunyai sebarang maklumat berkaitan ajaran Syiah supaya menyalurkannya kepada Hotline JAIS di talian 1800-88-2424 bagi membolehkan tindakan sewajarnya diambil.

"JAIS turut menasihatkan umat Islam agar tidak terbabit dengan sebarang aktiviti berkaitan ajaran Syiah," katanya.

# Program Bantuan Guaman Syarie dilaksana segera bagi perluas akses bantuan guaman syarie - PGSM

Jun 28, 2026 @ 7:03am



Persatuan Peguam Syarie Malaysia (PGSM), Musa Awang. - Foto fail NSTP

KUALA LUMPUR: Persatuan Peguam Syarie Malaysia (PGSM) akan melaksanakan segera Program Bantuan Guaman Syarie (BAGUS) selepas menerima peruntukan RM1.5 juta yang diumumkan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim hari ini.

Presiden persatuan itu Musa Awang berkata golongan memerlukan bantuan guaman syarie tetapi tidak berkemampuan boleh mendapatkan khidmat representasi melalui PGSM dengan sokongan dana yang disalurkan kerajaan itu.

Beliau berkata menerusi BAGUS, PGSM akan menyediakan panel peguam syarie kepada golongan tidak berkemampuan dari segi kewangan untuk melantik peguam dengan memberikan khidmat nasihat atau mewakili mereka di Mahkamah Syariah.

"Pihak persatuan akan segera melaksanakan program tersebut dan membuat pengumuman kepada masyarakat mengenainya setelah dana disalurkan.

"PGSM yang mempunyai rangkaian di seluruh negara dijangka mampu menawarkan penyelesaian kepada masyarakat menerusi dana yang disediakan," katanya dalam kenyataan hari ini.

Terdahulu, Anwar ketika merasmikan Konvensyen Kebangsaan Profesion Peguam Syarie 2026, mengumumkan peruntukan RM1.5 juta kepada PGSM bagi memperluas akses bantuan guaman syarie kepada golongan kurang berkemampuan melalui BAGUS.

Perdana Menteri berkata akses kepada keadilan perlu diberi perhatian kerana masih ramai, khususnya golongan miskin dan ibu tunggal yang berdepan kesukaran mendapatkan representasi guaman di Mahkamah Syariah.

– BERNAMA

# Perundangan sedia ada bersifat reaktif, gagal sekat ancaman ajaran sesat peringkat awal

Suraya Ali - Julai 12, 2026 @ 7:12pm



KUALA LUMPUR: Pemansuhan Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 (ISA) pada 2012 lalu diakui mengubah landskap keselamatan negara, namun ia kini menimbulkan persoalan besar sama ada kerangka perundangan sedia ada mempunyai kekuatan yang cukup untuk mengekang ancaman ajaran sesat pada peringkat awal.

Isu utama yang dihadapi ketika ini bukan hanya kewujudan jurang undang-undang tetapi keupayaan penguatkuasaan untuk bertindak secara proaktif sebelum sesuatu ancaman menjadi lebih serius dan merebak ke dalam masyarakat.

Penasihat Persatuan Peguam-Peguam Muslim Malaysia (PPMM), Datuk Zainul Rijal Abu Bakar, berkata sekiranya sesuatu ajaran sesat hanya membabitkan penyimpangan akidah, ia lazimnya ditangani melalui enakmen jenayah syariah negeri.

"Namun, apabila ajaran terbabit berkembang menjadi sebuah organisasi yang menghasut keganasan, menolak institusi negara, mengumpulkan senjata, mengeksploitasi pengikut atau mengancam ketenteraman awam, ia telah memasuki dimensi keselamatan negara yang memerlukan campur tangan undang-undang Persekutuan.

"Dalam keadaan tertentu, memang terdapat ruang yang menyukarkan pihak berkuasa bertindak lebih awal kerana kebanyakan undang-undang jenayah memerlukan bukti bahawa suatu kesalahan telah atau sedang dilakukan. Sedangkan ancaman keselamatan sering memerlukan tindakan sebelum kemudatan berlaku," katanya kepada BH ketika dihubungi hari ini.

Beliau berkata demikian mengulas kebimbangan disuarakan pucuk pimpinan Polis Diraja Malaysia (PDRM) mengenai kekangan yang dihadapi oleh pasukan keselamatan dalam membanteras doktrin berbahaya.

Sebelum ini, Timbalan Ketua Polis Negara, Tan Sri Ayob Khan Mydin Pitchay, menyifatkan ISA sebagai pendekatan paling berkesan dalam menangani ancaman ajaran sesat, keselamatan, perkauman serta isu berkaitan agama di negara ini.

Beliau mendedahkan bahawa ketiadaan akta berkenaan menyebabkan usaha membanteras ajaran sesat menjadi lebih sukar kerana pihak polis kini perlu melalui proses birokrasi dan bidang kuasa agensi berkaitan, termasuk Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN).

Ayob Khan menjelaskan, ketika ISA masih berkuat kuasa, pihak berkuasa tidak perlu menunggu tindakan daripada JAIN sekiranya sesuatu fahaman atau ajaran dikenal pasti mengancam keselamatan negara, perpaduan kaum atau bercanggah dengan keputusan Majlis Fatwa.

Menyentuh mengenai keberkesanan undang-undang sedia ada seperti Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012 (SOSMA), Kanun Keseksaan dan enakmen jenayah syariah negeri, Zainul Rijal menjelaskan instrumen berkenaan mempunyai fungsi tersendiri, namun tetap mempunyai limitasi tertentu.

Beliau memperincikan beberapa kelemahan utama dalam kerangka perundangan semasa termasuklah sifat undang-undang sedia ada yang lebih reaktif berbanding pencegahan.

Selain itu, pemisahan bidang kuasa antara negeri bagi isu akidah dan Persekutuan bagi isu keselamatan menyulitkan proses penyelarasan apabila kedua-dua elemen ini bertindih, di samping keterbatasan bidang kuasa Mahkamah Syariah yang peruntukan hukumannya adalah terhad.

"Kelemahan itu ditambah lagi dengan kesukaran mengumpul bukti awal memandangkan kumpulan penyeleweng kini bergerak secara tertutup menggunakan media sosial dan komunikasi sulit serta ketiadaan mekanisme pencegahan menyeluruh yang membolehkan tindakan diambil sebelum bukti mencukupi diperolehi," katanya.

Bagaimanapun, Zainul Rijal menegaskan perbincangan tidak seharusnya tertumpu kepada usaha mengembalikan semula ISA dalam bentuk asalnya yang sering dikritik kerana isu penahanan tanpa bicara.

"Mengembalikan ISA dalam bentuk asal mungkin sukar diterima kerana kritikan terdahulu berkaitan penahanan tanpa bicara dan potensi penyalahgunaan kuasa. Namun, kerajaan boleh mempertimbangkan suatu undang-undang baharu yang lebih seimbang, dengan ciri-ciri seperti otoriti pencegahan yang terhad kepada ancaman keselamatan yang jelas, permohonan semakan kehakiman, tempoh penahanan munasabah serta takrifan ancaman yang jelas bagi mengelakkan penyalahgunaan," katanya.